



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

23 MEI 2024 (KHAMIS)

## Maklumat Lengkap Tentang Haiwan Dalam Satu Buku

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	K2	20	23 Mei

# Maklumat lengkap tentang haiwan dalam satu buku



Rencana Utama  
Oleh  
**SITI SARAH NURUL LIYANA**

**M**UIZ dan Inayah lebih daripada sekadar dua ekor kucing peliharaan. Kedua-dua kucing itu sudah dianggap seperti anak oleh Mohd. Hazrizal Manap.

Dua si comel tersebut sering dibawa ke mana sahaja termasuk sewaktu melakukan aktiviti perkhemahan dan balik kampung.

Biarpun Muiz dan Inayah dipakaikan abah-abah (harness), namun potensi untuk haiwan itu terlepas tetap ada memandang sifatnya yang suka meneroka.

Justeru, terdetik dalam hati lelaki berusia 37 tahun itu untuk membuat kad pengenalan haiwan buat kedua-dua 'anak bulus' kesayangannya.

Menurut Mohd. Hazrizal, langkah itu diambil bagi memastikan proses pengesanan dapat dilakukan dengan lebih mudah sekitar kucing berkenaan terlepas daripada jagaannya.

"Walaupun kad pengenalan ini tidak memiliki sistem kedudukan sejagat (GPS), namun pengesanan boleh dibuat sekiranya haiwan tersebut dijumpai sama ada hidup atau mati."

"Ia boleh dibuat dengan membawa haiwan tersebut ke veterinar berdekatan dan memeriksa kod pada mikropip di lehernya sama ada betul atau tidak dengan buku biru."

"Cuma, saya harap masyarakat diberi kesedaran untuk membawa haiwan yang mereka jumpa ke veterinar sebelum dijadikan milik sendiri."

**KAD Pengenalan Haiwan Malaysia**  
dilengkapi dengan pelbagai maklumat berkaitan haiwan dan pemilik.



MIKROCHIP perlu dimasukkan dalam badan kucing peliharaan untuk rekod pengenalan.  
— AMIR KHALID

PEMILIK perlu mengisi maklumat dalam laman web khas untuk permohonan kad pengenalan haiwan.

katanya ketika ditemui K2 pada Hari Veterinar 2024 di Ladang Ternakan, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, Selangor baru-baru ini.

Untuk pengetahuan, Pet Passport atau Kad Pengenalan Haiwan Malaysia merupakan dokumen rasmi Kerajaan Malaysia di bawah Projek Sistem Kebolehkesan Haiwan Malaysia (MATs).

Haiwan peliharaan boleh didaftarkan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterina (DVS) atau Veterinarian Bertauliah berdaftar.



Passport tersebut merupakan inisiatif DVS di bawah Akta Peruntukan Haiwan 1953.

Terdapat dua jenis kad pengenalan haiwan iaitu saiz lebih kecil untuk anjing, kucing dan arnab, manakala saiz besar bagi kuda.

Perkhidmatan membuat kad pengenalan haiwan itu meliputi pemeriksaan fizikal, memasukan mikropip ke dalam haiwan serta mengambil gambar haiwan.

Sementara itu, seorang lagi pemilik haiwan, Deidre Justin memiliki motivasi berbeza di sebalik keputusannya untuk membuat kad pengenalan haiwan buat Keegan dan Alfie.

Sebagai anak perantau dari Sabah yang berkhidmat di Kuala Lumpur, wanita berusia 35 tahun itu tidak menolak kemungkinan untuk membawa kucing-kucingnya pulang ke Negeri di



Gambar Haiwan Kesayangan (Pet photo) pilihan/optional

# Maklumat Lengkap Tentang Haiwan Dalam Satu Buku

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	K2	21	23 Mei

Bawah Bayu pada satu hari nanti.

Katanya, kad pengenalan haiwan memiliki maklumat rasmi lengkap dan diiktiraf kerajaan, sekali gus memudahkan urusan membawa haiwan itu ke mana sahaja.

"Dengan adanya kad pengenalan ini, saya tidak perlu lagi membawa banyak dokumen seperti kad vaksin dan surat pengesahan kesihatan.

"Proses untuk pengesahan juga tidak sukar kerana kucing hanya perlu periksa nombor mikrochip dan maklumat dalam buku. Pasport ini juga kecil dan mudah bawa. Oleh itu, senang kalau berkaitan dengan urusan yang memerlukan kita menempuh imigresen," katanya.

Sebagai rekod, maklumat asas dalam kad pengenalan haiwan meliputi nama, spesies, baka, jantina, status mandul, warna, tarikh lahir, nombor pasport, tarikh dikeluarkan dan pendaftaran lokasi mikrochip serta gambar.

Pada bahagian belakang pula disediakan ruang untuk kemas kini vaksin, ubat kutu dan ubat cacing yang perlu dilakukan secara berkala.

Sementara itu, proses memasukkan mikrochip ke bawah lapisan kulit di antara dua tulang belikat hanya memakan masa kurang dari lima minit.

PEGAWAI UNIT DAYA JEJAK, Bahagian Kawalan Penyakit Dan Biosecuriti Veterinar Putrajaya, Muhammad Nur Daniel Abu Hasan berkata, haiwan tidak boleh dimandikan dalam tempoh tiga hari hingga satu minggu selepas prosedur memasukan mikrochip.

"Rongga belakang haiwan masih lagi terbuka selepas prosedur dan hanya akan bercantum semula secara perlahan-lahan dalam masa tiga hari hingga seminggu.

"Pemilik juga digalakkan untuk memantau dan mengurut belakang haiwan mereka agar mikrochip tidak terkeluar akibat pergerakan aktif sepanjang tempoh tersebut," jelasnya.

Menariknya, mikrochip berkenaan tidak boleh dikeluarkan melainkan pemilik melakukan prosedur pembedaan di kawasan la' ditanam'.

Ini bermaksud, penggunaan kad pengenalan haiwan mampu memupuk sifat tanggungjawab pemilik kerana maklumat mereka ada pada mikrochip terbabit.



MUHAMMAD NUR DANIEL (kiri) dan Mohd. Nur Al-Quddus menunjukkan buku Kad Pengenalan Haiwan Malaysia.

## INFO

### Kad Pengenalan Haiwan Malaysia

- Kad Pengenalan Haiwan atau Pet Passport merupakan dokumen rasmi Kerajaan Malaysia di bawah Projek Sistem Kebolehkesan Haiwan Malaysia (MATS)
- Tujuan pengenalan kad pengenalan haiwan adalah untuk membantu dalam kawalan penyakit dan meningkatkan sistem kebolehkesan haiwan
- Ia juga untuk mempromosikan tanggungjawab pemilik haiwan peliharaan dan menggalakkan kesedaran dalam kebajikan haiwan
- Terdapat dua jenis kad pengenalan haiwan iaitu saiz lebih kecil untuk anjing, kucing dan arnab, manakala saiz besar bagi kuda
- Harga adalah mengikut perkhidmatan keseluruhan yang dilakukan ketika pemasangan mikrochip dan pendaftaran kad pengenalan haiwan
- Orang ramai boleh layari petpassport.dvs.gov.my untuk maklumat lanjut

mikrochip haiwan di DVS atau klinik berdaftar.

Apabila haiwan tersebut mati, pemilik boleh mengemas kini maklumat di DVS berdekatan.

Bagi pemilik yang mahu membawa merentasi sempadan atau terbang ke luar negara, mereka hanya perlu menambah permit import dan eksport dari negeri atau negara terlibat.

Bagaimanapun, pemilik perlu mengemas kini maklumat vaksin rabies, pemeriksaan kesihatan dan maklumat rawatan cacing pita bagi sesetengah kes.

Menurut Pembantu Veterinar Seksyen permit dan Eksport Negeri Selangor, Mohd. Nur Al Quddus Ab. Rahman, pemilik haiwan perlu merujuk maklumat diperlukan oleh negara destinasi.

Katanya, setiap destinasi memiliki syarat yang berbeza berdasarkan situasi tertentu.

"Setakat ini, tiada halangan untuk membawa haiwan merentasi negeri di Semenanjung. Untuk Sabah dan Sarawak, pemilik memerlukan beberapa dokumen tambahan.

"Mereka perlu bawa maklumat vaksinasi rabie, permit import Sabah atau Sarawak dan permit eksport negeri terlibat di Semenanjung," ujarnya.



ORANG ramai mendapatkan maklumat mengenai kad pengenalan haiwan.

## Tarik Minat Anak Muda Sertai Dunia Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	K2	21	23 Mei



### Tarik minat anak muda sertai dunia veterinar

PEGAWAI veterinar memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan makanan negara terjamin.

Ini melalui penglibatan mereka dalam pelbagai aspek kesihatan haiwan, keselamatan makanan, dan amalan pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali berharap kerajaan akan mewujudkan insentif bagi menarik lebih ramai anak muda menyertai bidang tersebut.

Katanya lagi, ia juga bertujuan bagi mengekalkan bakat dalam bidang tersebut supaya mereka terus berkhidmat di negara ini.

"Kita perlu dapatkan kerjasama kukuh di peringkat kementerian termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi serta universiti tempatan dan swasta.

"Kita juga perlu beri pakej insentif setara dengan pegawai perubatan bagi meningkatkan penyertaan dalam industri veterinar," katanya.

Sebagai rekod, Malaysia dianggarkan memerlukan lebih 6,400 pegawai veterinar di seluruh negara, namun buat masa ini hanya ada 2,236 pegawai veterinar.

Menurut Lokman Hakim, Universiti Putra Malaysia hanya mengeluarkan 140 hingga 150 graduan veterinar, manakala Universiti Malaysia Kelantan pula menghasilkan sekitar 40 veterinar setiap tahun.

"Peranan veterinar amat kritikal dalam mengenal pasti dan mengawal risiko penyakit, menjalankan penyelidikan dan pembangunan baka baharu.

"Mereka juga bertanggungjawab memeriksa dan memantau haiwan serta produk seperti daging, susu, dan telur.

"Ia bagi memastikan setiap produk daging yang kita makan adalah selamat, bersih, berkualiti, dan halal," katanya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR